

TEKS UCAPAN
BRIG JEN DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
PADA MAJLIS PERASMIAN PECIPTA 2013
DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)
PADA 7 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)

SALUTASI

Yang Berhormat, Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia, Prof Dr Dato' Morshidi bin Sirat, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia, Prof Dato' Dr Mohamad Mustafa Ishak, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia,

Yang Berbahagia, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh, Ketua Hubungan Strategik Bank Islam Malaysia Berhad,

Yang Berbahagia, Tuan Sukor Hassan, Pengurus Besar Sektor Kesihatan, Pendidikan, dan Perkhidmatan Telekom Malaysia Berhad,

Yang Berbahagia, Tuan Amir Md Noor, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia,

Dif-Dif Kehormat,

Naib-Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi dan wakil,

Para Peserta PECIPTA 2013,

Wakil-wakil Media Seterusnya Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP,

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT atas limpahan dan keizinanNya maka dapatlah kita bersama-sama pada majlis yang amat bermakna buat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Majlis Perasmian sempena **Persidangan Dan Eskpo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013**.
2. Sebelum itu, izinkan saya menyampaikan salam maaf daripada Datuk Naib Canselor UniMAP kerana tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini.
Hal ini kerana beliau kini sedang berada di Istana Negara bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran.

3. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh di atas kesudian hadir bagi merasmikan PECIPTA 2013 pada hari ini. Sokongan dan komitmen jitu yang Dato' Seri berikan ini amat kami hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi kepercayaan kepada UniMAP dan UUM untuk penganjuran kali ke 7 ini.

4. Saya kira penganjuran kali ini adalah satu kelainan yang ditonjolkan dimana menggabungkan dua buah universiti.
Dan Alhamdulillah penganjuran PECIPTA 2013 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya percaya ini merupakan penganjuran dan gandingan yang paling mantap setakat ini.

INFO PECIPTA 2013

5. Untuk makluman Dato' Seri dan hadirin sekalian, penyertaan pada penganjuran kali ini amat membanggakan dengan peningkatan produk penyelidikan berbanding penganjuran sebelum ini iaitu;

Pada 2011 (Anjuran UiTM)	Pada 2013 (Anjuran UniMAP & UUM)
468 produk	493 produk

6. Pada PECIPTA kali ini juga buat kali pertamanya kita berjaya menarik penyertaan pada peringkat antarabangsa iaitu dari tujuh negara

antaranya Taiwan, Korea, Turki, Mesir, Indonesia, Thailand dan Qatar melibatkan 19 produk penyelidikan.

7. Bagi peringkat IPT, sebanyak 19 penyertaan dari IPTA dan 4 dari IPTS melibatkan keseluruhan produk sebanyak 435 produk. Pada peringkat sekolah pula, penglibatan pada tahun ini turut melebihi penganjuran sebelum ini iaitu sebanyak 23 buah sekolah seluruh Malaysia dengan penyertaan 39 produk penyelidikan.

Dato' Seri serta hadirin yang saya hormati sekalian,

BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

8. UniMAP adalah sebuah universiti yang berteraskan bidang Sains dan Teknologi yang menjurus kepada kejuruteraan dan memberi fokus kepada usaha-usaha meningkatkan aktiviti ekonomi Negara.
9. Sehubungan itu UniMAP bergerak mantap memperkenalkan kepelbagaian produk penyelidikan yang berinovasi bagi memperkasakan Negara dalam bidang kejuruteraan.
10. Sebagai Contoh mempelam Harumanis yang sebelum ini hanya boleh didapati pada bulan Mei dan Jun sahaja, tetapi dengan pendekatan teknologi kejuruteraan, UniMAP berjaya menghasilkan mempelam harumanis sepanjang tahun dengan aplikasi teknologi 'Rumah Hijau' yang diubah suai mengikut kesesuaian tanaman.

Hadirin sekalian,

11. Bersesuaian dengan Tema PECIPTA pada tahun ini, iaitu “Transforming Research and Innovation Towards Commercialization” adalah menjadi agenda UniMAP untuk memberi fokus terhadap pengkomersilan produk-produk yang dihasilkan.

Terkini, lebih 12 produk UniMAP telah dikomersialkan dan keseluruhannya mendapat maklum balas positif dari pihak industri serta masyarakat.

12. Bagi memastikan produk yang dikomersilkan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat, beberapa perkara telah dititik beratkan oleh UniMAP. Antaranya menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan rakan-rakan daripada industri dalam dan luar Negara kearah pembangunan penghasilan produk penyelidikan yang berkualiti.

13. UniMAP juga telah mempraktikkan budaya “**Satu Pensyarah Satu Geran Penyelidikan**” ke arah melahirkan lebih banyak produk penyelidikan yang berimpak tinggi dan mampu meningkatkan sosio ekonomi negara.

14. Sementara itu dalam memastikan produk yang dihasilkan berkualiti, para penyelidik senior diberi tanggungjawab menjadi mentor kepada penyelidik muda. Ini adalah langkah terbaik demi memastikan penyelidik muda sentiasa mendapat tunjuk ajar dan bimbingan demi melahirkan produk yang tepat dan relevan dengan keadaan semasa.

Dato' Seri dan Hadirin Sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak serta seluruh ahli jawatankuasa di atas kerjasama dan idea yang diberikan demi memastikan kelancaran PECIPTA 2013.

16. Terima kasih juga saya ucapkan kepada penaja utama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Telekom Malaysia Berhad serta seluruh penaja yang memberikan penajaan samada dalam bentuk kewangan mahupun peralatan. Tidak lupa juga saya ucapkan kepada para peserta dan penyelidik dari seluruh institusi pengajian tinggi mahupun sekolah yang menyertai PECIPTA 2013 ini. Sesungguhnya penyertaan anda membuktikan sokongan padu terhadap penganjuran kali ini. Saya ucapkan selamat berjaya kepada semua penyelidik. Kalah atau menang adalah adat bertanding tetapi apa yang penting, bagi penyelidik yang pertama kali menyertai pameran, ini merupakan medan terbaik untuk anda menimba pengalaman dan pendedahan yang bakal membantu para penyelidik untuk membina keyakinan diri apabila menyertai pameran yang lain pula.

17. Kepada penyelidik senior, apa yang penting adalah nilai produk yang dihasilkan untuk memberi manfaat kepada seluruh manusia sejagat.

Sekian, Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh